

BNBBC mahu OIC tegas terhadap Pope

KELAB Ahli Parlimen Barisan Nasional (BNBBC) mendesak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) bertindak tegas terhadap Pope Benedict XVI berikutan kenyataannya yang menghina Nabi Muhammad SAW

Pemangku Pengerusinya, Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar, berkata kenyataan Ketua Gereja Kristian Katolik itu tidak wajar dan beliau harus meminta maaf secara terbuka kepada umat Islam.

"BNBBC membantah keras kenyataan Pope mengenai tanggapan salah terhadap Islam dan jihad yang mencetuskan kemarahan umat Islam.

"Pope perlu meminta maaf secara terbuka dan menarik balik kenyataannya," katanya dalam sidang media di lobi Parlimen, semalam.

Pope Benedict ketika membuat kenyataan mengenai Islam dalam ucapannya di Universiti Regensburg, Jerman, Selasa lalu, membacakan petikan sebuah buku yang mengisahkan perbualan antara Maharaja Kristian Empayar Byzantine, Manuel Paleologos II dengan seorang cendekawan Parsi mengenai kebenaran agama Kristian dan Islam.

Kenyataan berkenaan mencetuskan kemarahan dikalangan umat Islam di seluruh dunia.

Raja Ahmad berkata, BNBBC berpendapat aspek agama, termasuk Islam tidak boleh diperlekehkan sewenang-wenangnya.

Beliau kemudian menyerahkan nota bantahan BNBBC kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Luar, Ahmad Shabery Cheek.

"BNBBC

membantah keras kenyataan Pope mengenai tanggapan salah terhadap Islam dan jihad yang mencetuskan kemarahan umat Islam"

Raja Ahmad Zainuddin
Raja Omar
Pemangku Pengerusi BNBBC